



**SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)
PENDAFTARAN PELAJAR
BAHARU SESI JULAI 2021
KOLEJ POLY-TECH MARA
ALOR SETAR**



PENDAFTARAN

- 1) Saya telah memohon masuk ke Kolej Poly-Tech MARA Alor Setar. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya saya menerima tawaran tersebut?**

Terdapat empat (4) langkah mudah bagi bakal pelajar untuk melengkapkan proses pendaftaran:

- a) Semakan permohonan kemasukan di laman web www.kptm.edu.my => **Pelawat => Semakan Permohonan.**
- b) Membuat bayaran yuran pengesahan penerimaan tawaran dan yuran pendaftaran melalui atas talian (online) FPX.
- c) Membuat pengesahan penerimaan tawaran di laman web www.kptm.edu.my => **Pelawat => Semakan Permohonan => Pengesahan dan Bayaran Yuran Pendaftaran.**
- d) Mendaftar secara atas talian (online) pada tempoh masa yang ditetapkan oleh pihak kolej.

- 2) Saya telah dimaklumkan oleh pihak kolej bahawa pendaftaran pelajar baharu dilaksanakan sepenuhnya secara online. Bagaimanakah proses pendaftaran tersebut?**

- (i) Mendaftar masuk / melapor diri di Sistem EREGISTER (22 – 24 Julai 2021)**

Langkah-langkah untuk melapor diri :

- a) Pelajar baharu yang telah membuat bayaran pengesahan perlu ke laman web <https://eregister.kptm.edu.my/> => **STUDENT LOGIN**
- b) Pelajar dikehendaki memasukkan **NO IC** dan **NO RUJUKAN SURAT TAWARAN** untuk login ke dalam sistem eregister.
- c) Klik **GO TO ENROLMENT PAGE**.
- d) Pelajar boleh memasukkan **nick name** serta boleh kemaskini **nomor telefon** dan **emel**. Seterusnya klik **AGREE**.
- e) Seterusnya, pelajar perlu memuatnaik (*upload*) **salinan IC** dan **slip result SPM (wajib)**.
- f) Selesai.

(ii) **Mendaftar masuk ke Sistem SPMP (24 - 25 Julai 2021)**

Semua pelajar baharu adalah **DIWAJIBKAN** Login ke **Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar (SPMP)** di pautan <https://spmpas.kptm.edu.my/portal/login.asp> bermula **24 Julai 2021**.

Login – **Username** : No.ID Pelajar (ASJ21*****), **Password** : No.Kad Pengenalan Pelajar.

**(Catatan : No.ID pelajar akan DITERIMA oleh pelajar bermula 22 Julai 2021 melalui emel/group telegram/website kptmas)*

Pelajar dikehendaki menukar *password* bagi membuktikan pelajar telah berjaya mendaftar sebagai pelajar KPTM untuk **Sesi Julai 2021**. Pelajar akan memperolehi email rasmi KPTM (@student.kptm.edu.my) melalui SPMP.

3) Dokumen apakah yang diperlukan bagi melengkapkan proses pendaftaran?

Semua pelajar baharu perlu memuatnaik (*upload*) dokumen yang diperlukan (lengkap dan jelas) di SPMP kolej bermula **24 – 29 Julai 2021**, Dokumen yang diperlukan adalah seperti senarai berikut:

- 1) IC / Kad Pengenalan (**wajib**)
- 2) Slip Keputusan SPM/ Sijil yang berkaitan (**wajib**)
- 3) Salinan slip bayaran yuran pengesahan (**wajib**)
- 4) *Polisi pematuhan yuran (**wajib**)
- 5) *Borang Perakuan Pembiayaan (**wajib**)
- 6) Muka depan akaun bank (*Salinan yang memaparkan Nama, No.K/P dan nombor akaun simpanan*)
(wajib)

*Bagi item 4-5, salinan borang boleh didapati di **Buku Panduan Pendaftaran Pelajar Baharu (mukasurat 17-19)**

4) Bolehkah saya mendaftar sedangkan saya tidak mengesahkan penerimaan tawaran pada tarikh yang ditetapkan seperti yang dikehendaki dalam surat tawaran.

Pendaftaran tanpa pengesahan penerimaan tawaran tertakluk kepada kekosongan dan budi bicara pihak pengurusan kolej.

5) Bolehkah saya mendaftar jika kelayakan sebenar saya tidak memenuhi syarat kemasukan?

TIDAK BOLEH. Tawaran dengan sendirinya akan terbatal sekiranya anda tidak menepati syarat kemasukan ke KPTM.

6) Dokumen SET 1 saya masih ada yang tidak lengkap dan saya belum menjalani pemeriksaan kesihatan. Bolehkah saya mendaftar sebagai pelajar?

Boleh. Tetapi anda perlu melengkapkan segala keperluan dokumen dan menyerahkan kepada pihak kolej melalui serahan tangan (bagi yang tinggal berdekatan) atau melalui pos.

Alamat untuk pos:

**PEJABAT AKADEMIK (SPRS)
KOLEJ POLY-TECH MARA ALOR SETAR
SEBERANG JALAN PUTRA
05150 ALOR SETAR, KEDAH**

Tarikh akhir penyerahan dokumen SET 1 ke kolej adalah selewat-lewatnya **30 Ogos 2021.**

Jika ada masalah dan kemasukan untuk mengisi borang-borang dalam **SET 1**, boleh hubungi nombor telefon berikut:

- 013-2104639 (**Pn Fazlina**)
- 012-5504881 (**Pn Azliana**)

***DOKUMEN SET 2 (TAJAAN)** – Pelajar tidak perlu menghantar (pos) dokumen SET 2. Jika ada pertanyaan berkenaan dokumen SET 2, boleh hubungi **Pn Rosemi/En Hafizuddin Haq** di talian **09-7309255**.

KULIAH

1) Bilakah sesi kuliah akan bermula?

Sesi kuliah secara atas talian (online) akan bermula pada **26 Julai 2021 (Isnin)**.

2) Berapakah tempoh masa pengajian bagi mengikuti diploma di KPTM Alor Setar?

Tempoh pengajian bagi mengikuti program diploma di KPTM Alor Setar adalah selama **2 tahun 4 bulan**.

3) Bagaimanakah proses pelaksanaan kuliah secara online?

Pelaksanaan kuliah secara atas talian (online) termasuk medium pembelajaran akan dimaklumkan oleh pensyarah kursus masing-masing.

4) Bagaimanakah dengan pendaftaran kursus yang perlu saya ikuti sepanjang tempoh pengajian saya?

Bagi pelajar baharu, pendaftaran kursus akan diuruskan sepenuhnya oleh pihak akademik kolej. Bagi pelajar kanan/lama, pelajar perlu membuat pra-pendaftaran kursus

5) Apakah keperluan lain untuk mengikuti kuliah seperti pembelian buku rujukan dan lain-lain?

Keperluan buku / modul bergantung sepenuhnya kepada pensyarah kursus. Pelajar boleh merujuk kepada pensyarah kursus masing-masing semasa sesi kuliah bermula.

6) Bagaimanakan penyaluran maklumat berkenaan jadual kuliah dan juga peraturan-peraturan akademik kolej?

Pelajar boleh mengakses jadual kuliah dan Buku Peraturan Akademik tersebut bagi tujuan rujukan dan panduan yang akan dimuatnaik di website KPTM Alor Setar (<https://astar.kptm.edu.my/>).